

UNTUK SIARAN SEGERA

**Kumpulan JCorp Raih Pendapatan Kukuh TK2024,
Pencapaian Strategik Penting Sepanjang Tahun**

Catat Pendapatan RM6.96 Bilion, Keuntungan Sebelum Cukai 26% melebihi sasaran
hasil pengurusan strategik dan penjanaaan nilai

Pencapaian Utama TK2024

- *Jumlah pendapatan Kumpulan terkumpul mencecah RM6.96 bilion, meningkat 12% berbanding RM6.20 bilion pada TK2023.*
- *Keuntungan sebelum cukai berjumlah RM718 juta, meningkat 19% berbanding TK2023*
- *Tahun pencapaian penting bagi portfolio JCorp menerusi penyenaaraian Johor Plantations Group Berhad serta kemajuan inovasi KPJ Healthcare Berhad melalui penjenamaan semula serta pelancaran Sistem Kesihatan Akademik pertama di Malaysia.*
- *Fokus utama terhadap peningkatan kecemerlangan operasi untuk memberi manfaat jangka panjang kepada Johor dan negara.*

KUALA LUMPUR, 2 Julai 2025 – Kumpulan Johor Corporation (JCorp) hari ini mengumumkan prestasi kewangan kukuh bagi tahun kewangan 2024 (TK2024) dengan mencatatkan pendapatan sebanyak RM6.96 bilion iaitu peningkatan 12% berbanding RM6.20 bilion bagi tempoh sama pada 2023.

Prestasi ini mencerminkan kesinambungan momentum Pelan Penciptaan Semula JCorp 3.0 melibatkan penstrukturan semula organisasi kepada Syarikat Pemegang Pelaburan yang mengutamakan impak dan nilai. TK2024 menyaksikan sumbangan lebih kukuh oleh segmen teras, didorong oleh peruntukan modal strategik, penyusunan portfolio yang lebih efisien serta peningkatan model operasi.

Keuntungan sebelum cukai turut meningkat 19% kepada RM718 juta berbanding TK2023 disokong oleh prestasi kukuh segmen Agribisnes serta Kesejahteraan & Kesihatan selain hasil pelupusan aset dan pengurusan kos yang lebih tersusun di peringkat Kumpulan.

TK2024 turut merekodkan pencapaian signifikan Kumpulan JCorp bermula dengan penyenaaraian Johor Plantations Group Berhad (JPG) di Bursa Malaysia. KPJ Healthcare Berhad (KPJ) terus mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju inovasi kesihatan serantau menerusi pelancaran Sistem Kesihatan Akademik pertama di Malaysia, penjenamaan semula, selain menjadi satu-satunya rangkaian hospital di Malaysia yang memeterai kolaborasi strategik bersama Mayo Clinic sebagai langkah penting dalam memperluaskan kehadirannya di peringkat global.

MEMBINA DAN MEMBELA

PENCAPAIAN SEGMENT

Kesejahteraan & Kesihatan

KPJ Healthcare Berhad (KPJ) mencatatkan pendapatan sebanyak RM3.92 bilion dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 15% dan keuntungan bersih meningkat kepada RM407.2 juta pada TK2024. Pencapaian ini dipacu oleh prinsip '*Care For Life*' yang sentiasa mengutamakan pesakit dari segala aspek selain peningkatan margin, kecekapan operasi serta pengurusan kewangan berhemah, di samping melakar sejarah melalui pengenalan identiti jenama baharu serta pelancaran Sistem Kesihatan Akademik pertama Malaysia yang mengintegrasikan penjagaan klinikal, pendidikan dan penyelidikan. Peralihan strategik ini memperkukuh komitmen KPJ dalam meningkatkan penyampaian penjagaan kesihatan yang lebih bersepadu dan berasaskan bukti. KPJ berhasrat untuk membangunkan Pusat Kecemerlangan (centre of excellence) yang menyediakan penjagaan kesihatan peribadi yang berkualiti, menggunakan teknologi canggih seperti pembedahan robotik, kepakaran perubatan khusus dan kerjasama antarabangsa.

Agribisnes

Segmen Agribisnes yang diterajui oleh Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) menerusi JPG, mencatatkan pendapatan sebanyak RM1.61 bilion, meningkat 18% berbanding tahun sebelumnya. Operasi perladangan menyumbang 95% daripada jumlah pendapatan segmen, manakala selebihnya disumbangkan oleh bahagian agromakanan. Keuntungan bersih daripada operasi berterusan berjumlah RM242.7 juta, disokong oleh harga komoditi yang lebih kukuh dan kecekapan kos yang berterusan. Kumpulan turut merekodkan kerugian sekali sahaja sebanyak RM129 juta daripada penjualan segmen operasi yang dihentikan, menjadikan jumlah keuntungan bersih bagi TK2024 sebanyak RM113.5 juta.

Divisyen Hartanah & Infrastruktur

TK2024 menyaksikan JLand Group mencatat pendapatan RM1.30 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 9% berbanding tahun sebelumnya*. Peningkatan ini didorong oleh sumbangan daripada segmen Pembangunan Hartanah dan Penyelesaian Komuniti Bersepadu. Secara keseluruhan, Kumpulan mencatat prestasi yang memberangsangkan dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM205.81 juta dan keuntungan bersih berjumlah RM157.80 juta. Pencapaian ini mencerminkan pelaksanaan operasi yang kukuh serta pengurusan kos yang berkesan.

**Prestasi kewangan JLand Group adalah berdasarkan proforma, tertakluk kepada penyempurnaan penstrukturan dalaman.*

MEMBINA DAN MEMBELA

Makanan & Restoran

QSR Brands (M) Holdings Bhd (QSR Brands) selaku pengendali rangkaian KFC dan Pizza Hut di Malaysia dan rantau ini, mencatat jumlah pendapatan keseluruhan sebanyak RM3.53 bilion bagi TK2024, dengan RM3.23 bilion daripadanya disumbangkan oleh operasi berterusan. Dalam persekitaran operasi yang mencabar sepanjang tahun, Kumpulan kekal fokus terhadap pelaksanaan strategi transformasi yang berlandaskan tiga teras utama iaitu Perniagaan, Digital & Data, serta Budaya. Inisiatif strategik yang digerakkan merangkumi pelaksanaan inovasi menu dan kempen pemasaran bersasar, kerjasama strategik, penggunaan data untuk memperibadikan pengalaman pelanggan, serta peningkatan produktiviti. Pelaksanaan transformasi secara konsisten turut menyumbang kepada permulaan yang kukuh bagi tahun 2025, apabila keuntungan selepas cukai bagi suku pertama mencatat pertumbuhan tahun ke tahun melebihi 100 peratus. Usaha berterusan ini mencerminkan komitmen teguh Kumpulan terhadap pertumbuhan jangka panjang yang mampan.

PRESTASI JCorp

JCorp selaku entiti merekodkan pendapatan sebanyak RM759 juta dan keuntungan bersih berjumlah RM634 juta. Pendapatan ini merangkumi dividen sebanyak RM425.82 juta yang diterima daripada Kulim sebanyak RM356.42 juta dan KPJ sebanyak RM64.95 juta, serta hasil penjualan tanah industri berjumlah RM223.47 juta. Prestasi ini menandakan pengukuhan aset dan kejayaan inisiatif pemulihan modal.

Sehingga 31 Disember 2024, jumlah Aset Diuruskan (AUM) JCorp mencecah RM24.50 bilion.

KENYATAAN PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF

“TK2024 menandakan perubahan langkah dalam cara JCorp menyampaikan nilai sebagai sebuah institusi pelaburan. Kami telah menyusun semula portfolio, memperkukuh disiplin modal dan mewujudkan ruang bagi syarikat Kumpulan untuk menerajui dengan lebih jelas, termasuk menerusi penyenaraian JPG, penjenamaan semula KPJ serta inovasi dalam sektor penjagaan kesihatan.

Dalam meneruskan peranan kami sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab, fokus kami kekal terhadap usaha untuk membina institusi yang mampu menjana impak jangka panjang. Setiap keputusan, kerjasama dan pelaburan harus menyumbang kepada ekonomi serta mencipta nilai yang berkekalan untuk Johor dan Malaysia.”

— ***Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim, Presiden & Ketua Eksekutif JCorp.***

MEMBINA DAN MEMBELA

PERANCANGAN MASA HADAPAN

JCorp melangkah ke TK2025 dengan fokus baharu untuk mencipta nilai dan mengupayakan komuniti yang mampan selaras dengan misi Membina & Membela. Tumpuan ini melibatkan peluasan penggunaan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan pendigitalan, pemerkasaan sektor strategik seperti agribisnes dan penjagaan kesihatan, serta pengukuhan kerjasama antara sektor awam dan swasta. Keutamaan kini terletak pada pemantapan pelaksanaan demi menjana nilai berterusan dan memacu pertumbuhan baharu untuk Johor dan negara.

-Tamat-

MENGENAI JOHOR CORPORATION

Johor Corporation (JCorp) ialah sebuah Organisasi Berteraskan Nilai dengan jumlah aset melebihi RM25 bilion pada Tahun Kewangan 2024. Syarikat-syarikat pelaburan utama di bawah JCorp iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd dan JLand Group Sdn Bhd, menerajui kepentingan Kumpulan dalam empat sektor teras iaitu Agribisnes, Kesejahteraan & Kesihatan, Makanan & Restoran serta Hartanah & Infrastruktur.

Dengan misi dan tujuan penubuhannya – *‘Membina & Membela’*, JCorp telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang kukuh serta pembangunan komuniti mampan di seluruh Johor dan Malaysia.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai JCorp, sila layari jcorp.com.my atau ikuti kami @johorcorporationofficial di media sosial.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel : 07 – 219 2692

Emel : commccd@jcorp.com.my

ASET KEGUNAAN MEDIA

JCORP MEDIA ASSETS

**Nota: Sila kredit Johor Corporation bagi penggunaan gambar dan logo*

MEMBINA DAN MEMBELA